

PM kesal ibu pejabat PBB Iraq dibom

UM 2 1 AUG 2003

PUTRAJAYA 20 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan peristiwa pengeboman ke atas Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Iraq yang mengorbankan 17 nyawa kerana masalah yang berlaku di negara berkenaan bukan berpunca daripada badan dunia itu.

Perdana Menteri berkata, perbuatan ganas itu merupakan tindakan orang yang tidak mempunyai akal yang bertindak secara membuta-tuli.

“Saya tidak faham kenapa (serangan) ditujukan kepada PBB. PBB tidak ada salah apa-apa.

“Tapi dia orang ini tidak fikir langsung... apa dia hendak buat, hendak bu-

nuh orang,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada peserta ekspedisi ke India oleh Persatuan Pemotoran Malaysia (PPM) di sini hari ini. Hadir sama Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Veena Sikri.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas peristiwa pengeboman itu yang turut mengorbankan Wakil Khas PBB di Iraq, Sergio Vieira de Mello.

Serangan berani mati itu menyebabkan bahagian depan bangunan Hotel Canal yang menjadi Ibu Pejabat PBB di Iraq runtuh.

Jumlah sebenar kematian di bangunan yang menempatkan beratus-ratus pekerja itu masih belum diketahui setakat ini. Lebih

60 orang disahkan mengalami kecederaan dan 17 orang maut.

Ketua jurucakap PBB, Fred Eckhard berkata, pengeboman maut itu merupakan satu tragedi dan menjadi tamparan politik terhadap misi PBB di negara berkenaan.

Tetapi Dr. Mahathir menegaskan bahawa badan dunia itu perlu berada di Iraq dan wajar mengambil alih pentadbiran di negara tersebut daripada Amerika Syarikat (AS).

Ditanya sama ada serangan itu menunjukkan PBB sudah tidak mempunyai apa-apa peranan, Perdana Menteri berkata, ia merupakan perkara biasa di negara yang berlaku peperangan.

“Dalam perang tidak ada

peraturan, mereka buat apa yang mereka suka,” ujarnya.

Mengenai kemungkinan Malaysia akan memperketatkan kawalan menjelang Sidang Kemuncak Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) pada Oktober ini, Perdana Menteri berkata: “Kita harap tidak berlaku apa-apa.”

Sementara itu, pada majlis tersebut, para peserta ekspedisi ‘Mission To India’ telah menerima sijil masing-masing daripada Perdana Menteri.

Ekspedisi itu yang bermula dari 19 April hingga 24 Mei 2002 telah disertai oleh 42 peserta termasuk lapan wanita yang diadakan dengan kerjasama Pelancongan Malaysia dan Pelancongan India.